

# PM cabar rakyat rentasi Antartika

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mencadangkan supaya rakyat Malaysia tampil merentasi Antartika, benua paling sejuk di dunia dengan berjalan kaki bagi melakar satu lagi kejayaan negara.

Perdana Menteri berkata, cabaran itu boleh dilakukan generasi muda negara dengan mengambil contoh kejayaan sama pernah dicapai rakyat Scotland dan banyak negara lain.

"Walaupun kita datang daripada kawasan (beriklim) panas, ini tidak ber-

makna kita tidak boleh mengatasi kesekukan di Antartika. Memang (percubaan) ini bahaya.

"(Tetapi) hidup dalam dunia ini bahaya ada bila-bila masa saja. Kita bawa kereta pun boleh kemalangan dan mungkin kita terus meninggal. Lebih lagi kalau kita mabuk atau gian dengan dadah, selepas itu bawa kereta, itu lebih bahaya.

"Sebaliknya, kalau kita menghadapi cabaran ini, ia menjadikan semangat dan tubuh badan kita menjadi begitu

kuat dan kita akan berasa puas hati dengan kejayaan kita. Negara juga akan menyanjung tinggi kebolehan kita," katanya pada sidang media selepas meraikan kejayaan perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin di Jeti Kuah, di sini.

Beliau ditanya mengenai bentuk cabaran lain yang beliau mahu generasi muda lakukan, selain beberapa siri kejayaan yang dicipta rakyat Malaysia sebelum ini seperti pelayar negara, Datuk Azhar Mansor dan terbaru, Abdul Malik.

Abdul Malik, 28, yang berlepas dari Kuala Perlis pada 9.45 malam semalam, tiba di sini pada 11.48 pagi semalam untuk mencatat masa 14 jam 3 minit dan 13 saat bagi laluan sejauh 48 kilometer itu. Ia adalah sebahagian persiapan beliau sebelum berenang merentasi Selat Inggeris pada Julai atau Ogos ini.

Dr Mahathir seterusnya mencabar generasi muda supaya meningkatkan tahap disiplin dan latihan untuk berjaya

**LIHAT MUKA 2 ►**